

**PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN MULUT**

~~~~~

|               |                   |              |
|---------------|-------------------|--------------|
| <b>Pada :</b> | <b>26 Muharam</b> | <b>1447H</b> |
|               | <b>22 Julai</b>   | <b>2025</b>  |

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**1. YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD - MELOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah kadar Pemberian Ikut Kepala (Pemberian dan Sumber Hasil yang diserahkan kepada Negeri) berdasarkan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh, Perkara 109 (1)(a) Perlembagaan Persekutuan kepada Negeri Kelantan, dan bilakah kali terakhir kadar ini disemak oleh Kerajaan Persekutuan serta berapa jumlah tahunan yang dibayar kepada Kerajaan Kelantan bagi tempoh 10 tahun terakhir.

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

## **2. YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL - SALOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, dasar semasa terhadap penjawat awam negeri dalam aspek integriti dan profesionalisme?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah membangunkan tiga (3) polisi utama berkaitan integriti dan tadbir urus iaitu:

### **1. Polisi Antirasuah**

Polisi ini merangkumi dasar, prosedur dan kawalan dalaman untuk mencegah, mengesan dan tindakan yang perlu diambil terhadap rasuah.

### **2. Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblower)**

Polisi ini bertujuan untuk menyediakan saluran rasmi kepada penjawat awam dan orang awam untuk melaporkan salah laku, penyelewengan dan rasuah. Polisi ini menjamin perlindungan identiti dan tidak membenarkan sebarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat sejajar dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

### **3. Polisi Hadiah**

Polisi ini bertindak sebagai medium untuk mengawal pegawai dan kakitangan dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah daripada orang atau pihak yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan jabatan.

Selain itu, penjawat awam negeri juga hendaklah sentiasa mematuhi arahan, kod etika perkhidmatan awam dan pekeliling yang berkuatkuasa.

**3. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan Zon Ekonomi Khas atau Kawasan Perindustrian Berimpak Tinggi bagi menarik pelabur dan meningkatkan hasil negeri?

**JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

#### **4. YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR – MENGKEBANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan R&R di Kuala Krai yang bandar lestari dan mendapat pengiktirafan Bandar Paling Bahagia, bukan sahaja boleh dijadikan kawasan rehat malah meningkatkan sektor ekonomi setempat dan tarikan pelancongan selaras dengan pembinaan Lebuh Raya Lingkaran Tengah?

#### **JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Kerajaan Negeri melalui Pelan Perancangan Bandar Baru Kuala Krai sememangnya telah mengambilkira cadangan pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) sebagai salah satu komponen penting dalam pembangunan bandar tersebut.

Cadangan ini melibatkan penyediaan kawasan seluas 5 ekar yang telah dikenalpasti khusus bagi tujuan R&R. Langkah ini bukan sahaja selaras dengan konsep bandar lestari dan bahagia tetapi juga dijangka dapat menyokong aktiviti ekonomi setempat serta memperkukuhkan daya tarikan pelancongan, khususnya dengan kewujudan Lebuh Raya Lingkaran Tengah yang bakal merancakkan lagi akses dan perhubungan di kawasan ini.

**5. YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA'FAR - GAAL**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah strategik yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperluas kawasan tanaman Harum Manis sebagai tanaman berpotensi eksport di jajahan seperti Bachok, Pasir Puteh dan beberapa jajahan yang mempunyai altitud dan iklim sesuai?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri melalui beberapa agensi berkaitan telah mengambil langkah-langkah strategik untuk memperluaskan kawasan tanaman Harum Manis sebagai tanaman berpotensi eksport, khususnya di jajahan Bachok, Pasir Puteh dan beberapa kawasan lain yang mempunyai altitude serta iklim yang sesuai. Antaranya:

1. Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah melaksanakan *Program Harum Manis Al-Falah* yang melibatkan 10 orang peserta terpilih di jajahan Bachok dan Pasir Puteh. Pada 22 hingga 24 Mei 2025, satu lawatan dan kursus Asas Penanaman serta Pengurusan Mangga Harum Manis Al-Falah telah diadakan di Negeri Perlis. Seterusnya, pada 23 Jun 2025, Lawatan Kerja ke Ladang Harum Manis Melawi, Bachok telah dilaksanakan bersama Majlis Penyampaian Input Pertanian kepada 10 peserta yang berjaya. Bagi Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Harum Manis masih dalam peringkat mengenal pasti tapak yang sesuai.
2. Melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, penanaman Harum Manis kini telah dijalankan di dua jajahan iaitu:
  - i. **Jajahan Bachok**: melibatkan 52 orang penanam dengan keluasan 9.23 ha. Hasil pengeluaran yang diperolehi adalah sebanyak 1.82 m/tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 45,500.00.
  - ii. **Jajahan Pasir Mas**: melibatkan 2 orang penanam dengan keluasan sebanyak 1.0 ha dan hasil yang diperolehi adalah 0.5 m/tan.
3. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Pertanian Negeri juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 25,800.00 bagi kedua-dua jajahan ini dalam mengembangkan lagi penanaman mangga harum manis secara lebih meluas. Kursus dan latihan juga telah dianjurkan dalam meningkatkan lagi kompetensi pegawai pengembangan di lapangan dalam membantu menyediakan amalan pengurusan penanaman mangga harum manis yang sistematik mengikut pakej teknologi Jabatan kepada pengusaha yang berminat.

4. Bagi Jajahan Pasir Puteh, didapati keadaan dan iklimnya hamper sama dengan Bachok. Oleh itu, pihak Jabatan Pertanian akan memberi penekanan kepada kesesuaian tanaman mangga Harum Manis dengan mengenal pasti lokasi dan kawasan yang sesuai untuk pembangunan tanaman ini secara komersial. Siasatan kesesuaian tanah akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian bagi memastikan kawasan yang dibangunkan benar-benar sesuai untuk penanaman mangga Harum Manis.

## 6. YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN – DABONG

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bagaimanakah kerajaan negeri memastikan peningkatan penyelidikan serta kajian baharu Fiqh dan inovasi di KIAS untuk di manfaatkan oleh industri di negeri ini

### JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)

Kerajaan negeri Kelantan memainkan peranan strategik dalam memacu pembangunan penyelidikan serta inovasi di negeri Kelantan termasuk di institusi pengajian tinggi milik Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) melalui pelbagai inisiatif. Sebagai sebuah kolej universiti yang berteraskan pengajian Islam, KIAS mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat penyelidikan dan pengembangan ilmu Fiqh dan inovasi berasaskan syariah yang boleh memberi sumbangan signifikan kepada industri di negeri ini.

Kerajaan negeri Kelantan telah memastikan KIAS diberi peruntukan khusus untuk geran penyelidikan dan inovasi kepada para pensyarah bagi merencanakan kajian termasuk dalam bidang Fiqh dan inovasi. Melalui peruntukan tersebut, penyelidik berpeluang mengkaji isu-isu kontemporari dan menghasilkan produk inovasi yang selari dengan perkembangan teknologi semasa. Sejak KIAS dinaik taraf sebagai Kolej Universiti, sebanyak 27 penyelidikan telah diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan KIAS. Penyelidikan yang berkaitan dengan Fiqh dijalankan oleh para pensyarah Fakulti Syariah dan Muamalat secara kolaboratif dengan pelbagai pihak. Sebagai contoh, penyelidikan yang bertajuk "Kajian Penetapan Kadar Uruf Bagi Kadar Zakat Perhiasan Emas di Negeri Kelantan", "Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan", "Pembinaan Gagasan Wanita Kelantan (Solehah)" dan lain-lain.

Pusat Pengurusan Penyelidikan KIAS juga menyelaraskan aktiviti yang melibatkan inovasi. Sebanyak 6 penyelidikan berkaitan inovasi telah dijalankan oleh pensyarah KIAS dan pelbagai pertandingan inovasi telah disertai oleh pensyarah dan pelajar KIAS di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa seperti International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2023, anjuran UMK untuk penyertaan bertajuk "Pembinaan *Educational Tools: Solat Expert* bagi Pengajaran dan Pembelajaran Fiqh Solat", International Innovation Competition (INNOCOM IV) 2023, anjuran AID Academy untuk penyertaan bertajuk "Pembangunan "Instrumen Pengukuran Pengaruh Syaitan Jin Terhadap Manusia (I-Talbis10)" Berdasarkan Perspektif Islam, Perubatan Moden, Dan Psikologi", dan International Education Innovation Competition 2025 (Edu@Innovate2025) anjuran UPSI untuk penyertaan yang bertajuk

"SmartJawiBot: Kit pembelajaran Jawi Abad ke-21". Selari dengan galakan yang diberikan, Kerajaan Negeri Kelantan melalui KIAS juga telah menyediakan dana kepada para pensyarah untuk membuat pendaftaran harta intelek hasil daripada penyelidikan yang dijalankan.

Kerajaan negeri Kelantan juga menyokong usaha KIAS dalam menghasilkan penyelidikan Fiqh dan inovasi melalui dasar kerjasama penyelidikan antara KIAS dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri, sama ada melalui penyaluran geran penyelidikan mahupun geran padanan kepada penyelidik KIAS. Mengikut rekod setakat ini, agensi kerajaan negeri seperti JAHEAIK, MAIK, U-KekWa, ILNAN, IPTG dan MPKB-BRI telah mengadakan kolaborasi penyelidikan dengan penyelidik-penyelidik dari KIAS. Hasil daripada penyelidikan bersama, seminar kolaboratif antara KIAS dan agensi-agensi Kerajaan Negeri dapat dianjurkan bagi memudahkan pemindahan ilmu secara dua hala.

Dapat dirumuskan bahawa kerajaan negeri Kelantan komited dalam memperkasa peranan KIAS sebagai pusat ilmu dan penyelidikan Fiqh serta inovasi. Melalui sokongan kewangan, dasar kerjasama, dan galakan kepada pengkomersialan, kerajaan negeri memastikan agar hasil penyelidikan KIAS dapat memberi manfaat kepada industri di negeri ini secara patuh syariah dan berdaya saing.



## 7. YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM – KOTA LAMA

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, status pusat jagaan warga emas di Kelantan serta pendekatan strategik Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan warga emas, khususnya yang terlantar, tiada waris atau terpinggir atau hidup dalam kesunyian selaras dengan konsep Membangun Bersama Islam.

### JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)

Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tidak melihat keperluan mendesak untuk mewujudkan Pusat Jagaan Warga Emas khusus di bawah Kerajaan Negeri buat masa ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memberi komitmen dalam usaha menambah baik fasiliti-fasiliti kebajikan sedia ada. Antaranya adalah pusat jagaan warga emas di Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin, Kota Bharu yang kini menempatkan seramai 99 orang penghuni (54 lelaki dan 45 perempuan).

### MAKLUMAT TAMBAHAN:

#### Statistik mengikut Keupayaan Penghuni Di Rumah Seri Kenangan

| Jantina   | Boleh<br>Urus<br>Diri | Boleh Urus Diri<br>(Oku, Sakit<br>Kronik, Masalah<br>Kognitif) | Terlantar | Separuh<br>Terlantar | Penyakit<br>Mental | Diuruskan<br>Sepenuh Oleh<br>Petugas |
|-----------|-----------------------|----------------------------------------------------------------|-----------|----------------------|--------------------|--------------------------------------|
| Lelaki    | 17                    | 17                                                             | 0         | 3                    | 17                 | 20                                   |
| Perempuan | 16                    | 11                                                             | 0         | 1                    | 17                 | 18                                   |
| Jumlah    | 33                    | 28                                                             | 0         | 4                    | 34                 | 38                                   |

Selaras dengan Dasar Membangun Bersama Islam, Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kebajikan warga emas melalui pelaksanaan Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan. Dasar ini memberi penekanan kepada kesejahteraan, perlindungan hak, serta pembangunan warga emas yang harmoni

Antara program utama untuk memastikan tiada warga emas terbiar tanpa penjagaan ialah:

1. Program Ziarah Skuad Kita Cakna DUN – mengenal pasti warga emas yang memerlukan bantuan kewangan, kesihatan mental dan fizikal serta mengurangkan pengabaian.
2. Program Ziarah Kasih – menggalakkan hubungan intergenerasi dengan penglibatan kanak-kanak bagi memupuk nilai hormat kepada warga emas.
3. Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Negeri, Parlimen dan DUN – menghargai sumbangan warga emas dalam pembangunan

keluarga, masyarakat dan negeri. Sambutan ini telah diadakan bermula pada tahun 2023 hingga kini.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyokong NGO berdaftar yang mengendalikan pusat jagaan warga emas seperti Shalis Care Centre, Pusat Jagaan Kenangan Hajjah Rahman, dan Mesra Homecare Centre melalui lawatan dan bantuan one-off sebagai galakan.

Bagi warga emas yang ingin menjalani kehidupan bermanfaat di usia emas, mereka juga boleh mendaftar di pondok warga emas yang berdaftar seperti:

1. Pondok Darul Naim - Ketereh
2. Pondok Haji Yaacob Samba - Pasir Puteh
3. Pondok Ad-Diniah Al-Ismailiah - Pasir Puteh
4. Pondok Darul Ilmi Bukit Gading - Tanah Merah
5. Pondok Al-Barokah - Tanah Merah
6. Pondok Tok Selehor - Tumpat
7. Pondok Tuan Guru Haji Ismail Baginda - Pasir Mas
8. Pondok Hidayah II - Machang

## **8. YB TUAN HARUN BIN ISMAIL - TAWANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai mekanisma tertentu untuk menyantuni remaja bagi memantapkan aqidah mereka serta dapat mengelakkan daripada terlibat dengan gejala sosial.

### **JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Bagi menyantuni golongan remaja dan memantapkan aqidah mereka serta dapat mengelakkan daripada terlibat dengan gejala sosial kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAHEAIK) telah melaksanakan beberapa program sebagaimana berikut:

1. Membina Remaja Iman (MRI) - memastikan pengukuhan dan pemantapan aqidah melalui kem dan motivasi secara berkala dan modul yang telah ditetapkan sesuai dengan aqidah ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Membina Generasi Solat (MGS) - melaksanakan kelas-kelas bimbingan solat disetiap jajahan bagi memastikan solat secara berkualiti diawal usia kanak-kanak dan remaja.
3. Madrasah Membina Generasi Al-Quran (MGQ) - mewujudkan pusat bimbingan Al-Quran secara harian dan bersistematik melalui kelas yang kondusif dan guru yang berpengalaman.
4. Mewujudkan Pusat Khidmat Keluarga Mawaddah dan Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) sebagai pusat terapi, bimbingan dan nasihat bagi individu termasuk remaja yang bermasalah.

Kerajaan Negeri Kelantan melalui U-KeKWa juga telah mengadakan pelbagai program khusus dalam menyantuni remaja. Bermula pada tahun 2011 sehingga 2025 antara program yang telah diadakan adalah :

- Kem Management Qalbu
- Kem Kepimpinan Unggul
- Kem Kepimpinan Bestari
- Kem Titian Remaja Unggul
- Program Masih Ada Yang Sayang (Anak Yatim)
- Kem Khalifah Rabbani
- Kem Akil Baligh

Bagi pemantapan aqidah, pihak Kerajaan Negeri Kelantan bekerjasama dengan pihak konsultan untuk membuat modul khas pemantapan tauhid dan aqidah, termasuk penghayatan solat sebagai benteng maksiat serta bimbingan membentuk hala tuju kehidupan Islami yang jelas sebelum melangkah ke alam dewasa. Usaha ini dilaksanakan kerana remaja yang tidak jelas hala tuju hidup akan cenderung mengisi kekosongan dengan perkara yang merosakkan seperti dadah, buli, lepak tanpa arah dan pengaruh rakan sebaya yang negatif.

**9. YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH – MANEK URAI**

Minta YAB Ustaz Dato Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Air Terjun Lata Rek sudah selamat untuk digunakan atau masih tidak selamat untuk diguna?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Pihak Majlis Daerah Dabong melalui Universiti Malaysia Pahang (UMPSA) telah menjalankan kajian Data *Baseline* Kualiti Air Di Kawasan Strategik GEO-Pelancongan Dabong, Kelantan Darul Naim pada tahun 2024 bagi mengenalpasti kualiti air bagi setiap Kawasan pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong.

Antara sungai yang terlibat adalah :

1. Sungai Rek (Lata Rek)
2. Sungai Gua Ikan
3. Sungai Kenerong
4. Sungai Setong (Lata Kertas)

Hasil kajian melalui persampelan air yang dijalankan mendapati Indeks Kualiti Air (IKA) Sungai Rek (Lata Rek) pada musim kering berada dalam Kelas II dan ini menunjukkan bahawa kualiti air adalah sederhana bersih, masih sesuai untuk kegunaan seperti rekreasi dan sumber air yang dirawat.

**10. YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN – BUNUT PAYONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah program pembangunan wanita dikalangan remaja yang akan dilaksanakan bagi tahun 2025.

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Program yang akan dilaksanakan untuk pembangunan wanita khususnya untuk remaja termasuklah:

- a) Program Kem Akil Baligh dengan kerjasama Persatuan Pembangunan Keluarga Kelantan yang disasarkan khusus kepada golongan remaja perempuan berumur antara 11 hingga 15 tahun. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada remaja perempuan berkaitan kesihatan reproduktif, pembangunan sahsiah diri, akhlak Islamiah, tanggungjawab muslim serta perkongsian isu-isu sosial semasa yang boleh memberi kesan kepada perkembangan mereka sebagai wanita yang berdaya tahan dan berwawasan serta membina jati diri yang kukuh dan membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi cabaran kehidupan masa kini.
- b) Program latihan kepimpinan remaja, telah dilaksanakan pada Mei lepas iaitu program Kem Wanita Ramaja Unggul (KEWAJA). Ia memberikan impak yang signifikan kepada peserta dengan meningkatkan kemahiran kepimpinan, sosial dan profesional dalam mengurus organisasi setempat, memberi pengetahuan dan kefahaman tentang teori dan amalan pengurusan acara rasmi serta kemahiran sosial dalam urusan pengendalian majlis rasmi di Malaysia.

**11. YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR – BUKIT BUNGA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah wujud perancangan terarah untuk membangunkan Bukit Bunga sebagai destinasi 'eco-healing' atau pelancongan berasaskan alam semula jadi yang inklusif, agar kawasan ini tidak sekadar menjadi laluan sempadan, tetapi destinasi pelancongan yang unik?

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Tanah Merah sedang meneroka beberapa tempat yang berpotensi untuk dimajukan sebagai tempat eko-pelancongan dalam DUN Bukit Bunga. Antara kawasan yang mempunyai potensi besar dalam usaha ini adalah di kawasan Bukit Kemahang dan sekitarnya, ianya mempunyai beberapa lata dan jeram yang cantik serta sesuai untuk dijadikan tempat pelancongan berkonsepkan eko atau semula jadi.

## **12. YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH - PULAI CHONDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan skop keberhasilan K-Rab (Komuniti Rabbani) bukan setakat melalui ceramah-ceramah sahaja dan kalau ada apakah program-program yang telah dirangka bagi mencapai dan melahirkan generasi Rabbani yang bertaqwa kepada Allah swt.

### **JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam menjayakan agenda pembentukan masyarakat berasaskan Budaya Komuniti Rabbani seiring dengan matlamat Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Sebagaimana yang umum mengetahui bahawa K-RABB telah dilancarkan pada 22 September 2022, bermakna K-RABB telah memasuki tahun ketiga. Dalam usaha mempromosikan K-RABB, ceramah adalah medium utama dalam menyampaikan mesej dan memperkenalkan Budaya K-RABB. Siri ceramah tentang K-RABB telah berjaya diadakan pada tahun 2024 sebanyak 135 siri Ceramah dilaksanakan sempena program Bina Ummah seluruh negeri Kelantan. Program ini diteruskan pada tahun 2025, sebanyak 135 siri Ceramah ini sedang berlangsung dalam kerangka memberi kesedaran kepada ahli komuniti di seluruh negeri Kelantan tentang 9 budaya tersebut.

Walaupun sedemikian, pihak kerajaan juga telah merangka dan melaksanakan pelbagai aktiviti agar capaian maklumat dan penghayatan K-RABB lebih meluas dan berkesan. Antaranya:

1. Program Pembentukan Daie Muda Rabbani.
  - Inisiatif ini bertujuan melahirkan daie yang lebih kreatif dan mampu menyampaikan mesej Islam secara lebih berkesan dan mampu menjadi penggerak dalam masyarakat berasaskan 9 Budaya K-RABB.
  - Seramai 25 orang daie muda seluruh Kelantan telah mengikuti kursus Daie Muda Rabbani siri 1 pada 14 Mei 2025.
2. Penghayatan K-RABB di semua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri Kelantan. Program ini melibatkan cadangan untuk melantik seorang pegawai PBT sebagai Duta K-RABB yang bertindak sebagai pemudah cara program K-RABB antara ILKAN dan PBT. Program ini dijangka akan bermula pada Ogos hingga Oktober 2025.



3. Jelajah K-RABB dan promosi K-RABB melalui beberapa sekolah terpilih dan Strategik di Bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Program ini bertujuan untuk menjadikan warga sekolah dan masyarakat setempat dapat memahami dan menghayati matlamat K-RABB dalam kehidupan harian mereka. Antara beberapa sekolah awal yang telah dipersetujui oleh Pihak YIK ialah:
  - i. Maahad Tahfiz Al-Quran wal-Qiraat Pulau Chondong.
  - ii. Maahad Sains Tok Guru Pengkalan Chepa
  - iii. Maahad Muhammadi Tumpat
  - iv. Maahad Syamsul Maarif (P) Pulau Chondong
  - v. Maahad Tarbiah Mardziah Panchor.
  - vi. Maahad Muhammadi Rantau Panjang
  - vii. Maahad Muhammadi Gua Musang
  - Program ini dijangka akan bermula pada Ogos sehingga Disember 2025.
4. Pertandingan Video Kreatif K-RABB. Pertandingan ini bertujuan bagi menarik minat golongan muda dalam kalangan belia, pelajar IPT dan sekolah menengah. Peserta yang menyertai pertandingan perlu memuat naik hasil karya melalui medium media sosial masing-masing seperti Tik Tok, U-Tube, Facebook dan seumpunya. Pertandingan diadakan sebanyak 3 Siri. Dalam pertandingan siri pertama yang telahpun berlangsung pihak ILKAN selaku penganjur telah menerima penyertaan bukan sahaja daripada peserta negeri Kelantan bahkan turut disertai oleh peserta-peserta dari luar Kelantan. Pertandingan siri pertama ini telah berjaya menarik minat 31 peserta. Untuk makluman, Johan pertandingan dimenangi oleh peserta yang berasal dari negeri Johor yang beralamat di PCB Kelantan. Naib Johan dimenangi oleh peserta dari negeri Terengganu dan manakala tempat ketiga dimenangi oleh peserta dari negeri Johor. Penyertaan teramai adalah dari negeri Kelantan khususnya golongan muda.
5. Penghasilan Buku Tafaqquh Fiddin yang berorientasikan 9 Budaya K-RABB yang kini telah memasuki fasa akhir untuk disiapkan. Sebanyak 1000 naskah awal akan dicetak sebagai silibus pengajian dalam siri kuliah agama di masjid atau di surau.
  - Tujuan penulisan buku ini ialah untuk membina masyarakat berilmu yang memahami nilai-nilai Rabbani berasaskan K-RABB dan dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

6. Program Komuniti Rabbani Dua Mukim Rintis. Bertujuan untuk membentuk Model Komuniti Rabbani dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat berasaskan 9 Budaya K-RABB. Pihak ILDAN sedang menilai dan memilih 2 mukim yang akan menjadi projek rintis Komuniti Rabbani yang dijangka bermula Ogos sehingga Disember 2025.
7. Pembentukan dan Latihan Jurulatih Utama K-RABB. Sekumpulan 60 orang Jurulatih Utama dari pelbagai agensi yang dilantik akan diberikan Latihan dan pendedahan yang berterusan bagi meningkatkan profesionalisme mereka sebagai jurulatih dan sekaligus sebagai duta K-RABB yang boleh memberi maklumat dan mendidik masyarakat secara berterusan.

Kesemua program ini dirancang sebagai satu ekosistem pembangunan sahsiah masyarakat berasaskan Islam. Ia bersifat berterusan, inkulsif dan pelbagai pendekatan yang merangkumi Pendidikan, Latihan, pertandingan, pembangunan komuniti dan digitalisasi dakwah. Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam melahirkan sebuah masyarakat yang bertakwa, berakhlak mulia dan harmoni berteraskan prinsip-prinsip Islam yang syumul.

**13. YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD - GUAL PERIOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa banyak perjanjian royalti hidroelektrik yang telah, sedang dan akan berjalan di Kelantan, nyatakan lokasi setiap projek serta jumlah hasil yang telah diterima oleh kerajaan negeri setakat ini?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**14. YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS – PASIR TUMBOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri bercadang bagi menyusun semula model perniagaan syarikat-syarikat pertanian milik kerajaan bagi lebih fokus kepada pengeluaran makanan strategik berbanding dengan tanaman industri seperti getah dan kelapa sawit?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri melalui syarikat-syarikat pertanian milik kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB) dan Damai Agro Industries di bawah seliaan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sedang mengambil langkah menyusun semula model perniagaan masing-masing agar lebih memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan strategik.

Selaras dengan cabaran semasa dalam aspek keterjaminan makanan, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa tumpuan kepada tanaman industri semata-mata seperti getah dan kelapa sawit perlu diseimbangkan dengan pengeluaran makanan strategik. Justeru, beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan, antaranya:

1. Projek Kerjasama bersama KPKM untuk membangunkan projek pengeluaran makanan strategik iaitu penternakan ayam pedaging, ayam penelur, bawang, nanas, akuakultur dan sebagainya.
2. Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB)) turut memainkan peranan aktif dalam menyokong pengeluaran makanan strategik melalui:
  - A. Program bantuan baja organik Negeri Kelantan
  - B. Program Dapur Hijau Negeri Kelantan
  - C. Projek Pembangunan pertanian bersepadu di Lojing dan Pasir Puteh bersama pelabur strategik dengan produk tanaman tanah tinggi, nanas, akuakultur.
  - D. Projek Pembangunan benih baka lembu hybrid Charolais di Jeram Pasu.

**15. YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL – KUALA BALAH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah prestasi peperiksaan sekolah2 Yayasan Islam Kelantan (YIK) tahun 2024 dan apakah perancangan 2025 utk mengekalkan dan seterusnya meningkatkan prestasi sekolah2 tersebut?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Prestasi Peperiksaan Sekolah-Sekolah Yayasan Islam Kelantan bagi Tahun 2024 adalah seperti berikut:

| Bil. | Peperiksaan                      | Butiran                                                                                                        |
|------|----------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | SMU/ SMTQ                        | · Calon menduduki adalah seramai 5,402 orang<br>· Peratus kelulusan ialah sebanyak 92.18%                      |
| 2    | Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP) | · Calon menduduki adalah seramai 30 orang<br>· Peratus kelulusan ialah 86.67%                                  |
| 3    | SPM                              | · Calon menduduki adalah seramai 5,090 orang daripada 82 sekolah YIK<br>· Peratus kelulusan penuh ialah 97.50% |
| 4    | STAM                             | · Calon yang mengambil STAM adalah seramai 897 orang<br>· Peratus lulus mengikut pangkat ialah 57.08%          |

Antara perancangan bagi Tahun 2025 yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Mengadakan Kursus Peningkatan Kecemerlangan Mata Pelajaran Kritikal Menengah Rendah.
- Mengadakan Kursus Profesionalisme Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 3 / SPM.
- Kursus Peningkatan Kecemerlangan Mata Pelajaran Kritikal SPM.
- Motivasi Pecutan Akhir SPM

## **16. YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD - TENDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah inisiatif baharu yang di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi memperkukuhkan penghayatan Islam di kalangan anak muda melalui masjid, pondok dan institusi dakwah?

### **JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan Negeri Kelantan amat menyedari hakikat bahawa golongan anak muda atau remaja adalah permata yang sangat bernilai dan merupakan aset negeri pada masa hadapan. Masa hadapan negeri kita bakal dicorakkan oleh golongan anak muda dan remaja pada hari ini.

Bagi memperkukuhkan penghayatan Islam dalam kalangan anak muda, Kerajaan Negeri Kelantan melalui agensi agama seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan telah merancang dan menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti masjid, pondok dan institusi dakwah bagi merangka dan melaksanakan program-program dan aktiviti sebagaimana berikut:

#### **1. Dakwah Digital Melalui Media Social**

Melalui program ini, agensi-agensi dakwah digalakkan memanfaatkan media sosial dan platform digital seperti Youtube, Tiktok Dan Facebook untuk menyampaikan mesej Islam dalam bentuk konten pendek, santai, menarik dan berfakta. Pendekatan ini dilihat mampu menarik golongan anak muda untuk berinteraksi dan mengambil manfaat daripada perkongsian tersebut.

Bagi memantapkan lagi pendekatan dakwah digital ini, kerajaan negeri turut mengadakan kursus-kursus dan latihan kepada para pendakwah agar mampu menghasilkan bahan-bahan dakwah yang berimpak tinggi dan relevan dengan trend semasa anak muda.

#### **2. Pembinaan Modul Remaja Soleh 2.0**

Bermula tahun 2025, kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan telah membina Modul Remaja Soleh 2.0 yang merupakan versi tambah baik kepada Modul Remaja Soleh yang digunakan dalam program Kem Remaja Soleh - Membina Remaja Iman (KRS-MRI) sejak tahun 2022. Antara tajuk modul tersebut adalah:

- I- Kita Hidup Bertuhan
- II- Peta Hidup Muslim
- III- Cabaran Yang Menggugat
- IV- Cinta Rasulullah Saw; dan
- V- Kemenjadian Remaja Muslim Kelantan

Pembinaan modul baharu ini diharapkan mampu menghasilkan impak yang lebih baik kepada golongan remaja yang mengikuti program tersebut. Sebagai makluman, program Kem Remaja Soleh - Membina Remaja Iman (KRS-MRI) ini dilaksanakan sebanyak 11 kali setahun, iaitu sekali di setiap jajahan, yang melibatkan penyertaan lebih 500 orang remaja dari seluruh negeri Kelantan.

### **3. Pembinaan Modul Baharu Program Membina Generasi Solat (MGS)**

Kerajaan negeri melalui Bahagian Dakwah Halaqat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan juga telah membina modul baharu program Membina Generasi Solat. Modul baharu yang ditambah baik ini telah dibina dengan kerjasama para penyelidik dan pakar pendidikan daripada Institusi Pendidikan Guru Kota Bharu (IPGKB).

Dengan adanya modul baharu MGS ini, pelaksanaan program MGS diharapkan dapat mencapai beberapa matlamat penting, antaranya:

- I- Modul baharu menjadi panduan komprehensif yang dirangka mengikut tahap umur dan keperluan peserta. Ia membantu program diadakan dengan lebih tersusun dan sistematik.
- II- Modul ini turut menekankan untuk meningkatkan kualiti penghayatan roh dan hikmah solat, bukan hanya aspek praktikal dan hukum sahaja.
- III- Membentuk generasi celik solat sejak awal usia kanak-kanak, sekaligus membentuk budaya solat dalam masyarakat.
- IV- Memastikan keseragaman kandungan, kaedah latihan, penyampaian dan penilaian oleh para mudarris MGS, seterusnya meningkatkan kualiti pelaksanaan program.

### **4. Program Jelajah Daie.**

Kerajaan negeri melalui agensi agamanya iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan program Jelajah Daie yang berbentuk daie turun padang. Program ini dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun di setiap jajahan.

Antara pengisian program ini adalah Kuliah Fiqh Wanita, Pengurusan Jenazah, Forum Usrah Solehah, Ziarah Dan Bantuan Keluarga Dhuafa' Sukan Persahabatan dan Sukaneka Kanak-Kanak.

Pelaksanaan program seumpama ini yang turut melibatkan penyertaan golongan anak muda membuktikan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan negeri bagi membentuk generasi remaja yang beriman dan selamat daripada masalah-masalah sosial yang timbul pada hari ini.

## **5. Program Pendakwah Pelapis Orang Asli.**

Dalam merangka pelbagai program penghayatan Islam untuk anak muda, kerajaan negeri Kelantan tetap mengambil berat dan tidak meminggirkan anak muda dalam kalangan masyarakat orang asli.

Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dan sokongan padu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), telah melaksanakan pelbagai inisiatif khusus bagi memastikan masyarakat orang asli turut mendapat pendedahan yang sewajarnya bagi memahami dan menghayati ajaran Islam.

Antara inisiatif penting ialah pelaksanaan program Pendakwah Pelapis Orang Asli. Buat masa ini, seramai 5 orang pelajar orang asli sedang mengikuti pengajian di Maahad Tahfiz Kiblah, Sepang, Selangor dalam bidang Agama dan Hafazan Al-quran.

Selain itu, terdapat 2 orang pelajar orang asli lepasan Maahad Tahfiz Kiblah sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Diploma Pengajian Islam, iaitu Muhammad Zulkimi Bin Ajem di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Nurul Nadin Nadirah Binti Abdullah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Antara kejayaan program ini adalah seramai 3 orang anak muda orang asli yang telah menamatkan pengajian mereka di Maahad Tahfiz Kiblah telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai Pegawai Masjid Al-Asriah mukim kecil Pos Balar.

Mereka yang dimaksudkan adalah:

- i- Eyan Bin Hamid - Imam Tua
- ii- Jasni Bin Angah - Imam Muda
- iii- Safian Bin Juni - Bilal

Program ini diharap dapat terus melahirkan pendakwah pelapis yang bukan sahaja mahir dalam ilmu agama dan hafazan Al-quran, tetapi juga memahami budaya dan adat masyarakat mereka sendiri, justeru mampu menjadi agen penyampai dakwah yang lebih berkesan dan diyakini dalam kalangan masyarakat orang asli.

Kerajaan juga meletakkan sasaran untuk melahirkan pemimpin komuniti berteraskan nilai Islam dalam kalangan anak muda orang asli dan menjamin kesinambungan dakwah di peringkat akar umbi melalui pendekatan bersifat lestari dan beridentitikan tempatan.



Langkah ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan kerajaan negeri dalam menjadikan dakwah sebagai agenda pembangunan yang inklusif, menyeluruh dan berpaksikan prinsip penghayatan membangun bersama Islam.

Usaha membina jati diri dan penghayatan Islam dalam kalangan anak muda adalah agenda strategik jangka panjang kerajaan negeri. Kita percaya, apabila generasi muda dididik dengan nilai Islam sejak awal, mereka bukan sahaja menjadi warga berguna, bahkan bakal pemimpin yang berintegriti dan berjiwa rabbani.

Kerajaan negeri akan terus berusaha memperluas jaringan antara institusi pondok, masjid dan agensi dakwah, agar mesej Islam terus subur dan sampai ke lubuk hati generasi muda - selari dengan dasar penghayatan membangun bersama Islam.

**17. YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN - PALOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi dilaksanakan oleh pihak PBT di dalam usaha meningkatkan kutipan hasil ?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Pelbagai langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi dilaksanakan di PBT dalam usaha menerokai potensi sumber pendapatan baharu ke arah peningkatan hasil bagi mengukuhkan kedudukan "*self financing*" sesebuah PBT, antaranya adalah:

- a) **Penilaian Semula Cukai**  
Membuat penilaian semula ke atas pegangan-pegangan yang terdapat dalam kawasan pentadbiran PBT bagi meningkatkan hasil cukai pintu/ taksiran PBT.
- b) **Pengenaan Kadar/ Caj Baharu**  
Mengenakan cukai-cukai taksiran baharu seperti cukai lombong/ mineral dan sebagainya.
- c) **Pengurusan Projek Penswastaan**  
Dasar Penswastaan yang diperkenalkan oleh kerajaan bermula Tahun 1981 melalui Dasar Pensyarikatan Malaysia adalah bagi menggalakkan gabungan sektor kerajaan dan sektor swasta dalam pelbagai bidang ekonomi, industri, pembangunan dan lain-lain lagi yang membawa objektif untuk mengurangkan perbelanjaan kewangan sektor kerajaan di samping peningkatan kecekapan dalam penghasilan kerja serta mempercepatkan pencapaian ekonomi negara.
- d) **Penilaian Potensi Hasil Baharu melalui pemakaian Rancangan Tempatan**  
Seiring dengan pemodenan serta menambahbaik penggunaan Rancangan Tempatan (RT) di peringkat PBT iaitu dengan menggunapakai nisbah plot dalam setiap hasil baharu melalui pemakaian Rancangan Tempatan turut akan meningkatkan kutipan Caj Pemajuan.
- e) **Menyediakan Kemudahan Infra Yang Lebih Cekap Kepada Rakyat**  
Membina dan menaiktaraf fasiliti awam dan sukan bagi meningkatkan hasil sewaan penggunaan fasiliti tersebut.

- f) Kutipan Tunggakan  
Memperkasa aktiviti kutipan tunggakan seperti tunggakan cukai taksiran, sewaan, kompaun dan lain-lain.
- g) Perundangan  
Membuat deraf Undang-Undang Kecil (UUK) baharu atau pindaan kepada UUK sedia ada terutamanya melibatkan caj-caj bayaran yang belum disenaraikan dalam UUK.

**18. YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM – KOTA LAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, jumlah belia menganggur di Kelantan mengikut pecahan jajahan dan tahap Pendidikan (rendah, menengah, pengajian tinggi) serta faktor utama pengangguran dan langkah intervensi strategik yang sedang dirancang bagi menangani isu ini secara menyeluruh.

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di negeri Kelantan pada suku pertama tahun 2025 adalah sebanyak 4.2% atau 30,800 orang penganggur. Rekod PERKESO mencatatkan jumlah kehilangan pekerjaan di negeri Kelantan dari tempoh Januari hingga 30 Jun 2025 adalah seramai 527 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 314 golongan belia yang berumur 15 hingga 40 tahun. Berdasarkan statistik PERKESO dari tempoh yang sama sebanyak 742,186 kekosongan jawatan diiklankan dalam Portal MYFutureJobs. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11,513 kekosongan jawatan adalah di negeri Kelantan, manakala bilangan pencari kerja baru yang berdaftar di negeri Kelantan adalah seramai 9,748 orang. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO dan Kerajaan Negeri telah merangka dan mengambil langkah intervensi strategik bagi menangani isu ini secara menyeluruh, sekaligus meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan pencari kerja tempatan termasuk di negeri Kelantan, antaranya;

- i. **Melaksanakan Program Daya Kerjaya 3.0** yang merupakan satu insentif penggajian di bawah Belanjawan 2025 yang diberikan kepada majikan. Program ini membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti bekas banduan dan Orang Kurang Upaya (OKU). Insentif khas ini adalah sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan untuk majikan yang mengambil pekerja daripada kumpulan sasar ini. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh permohonan dibuka pada 1 Januari sehingga 27 Jun 2025, sebanyak 243 permohonan daripada majikan telah diterima membabitkan seramai 1,006 orang pekerja, 3 daripadanya adalah dari negeri Kelantan yang melibatkan 9 orang pekerja.

- ii. **Mempergiatkan Karnival Kerjaya** kepada pencari kerja tempatan. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari sehingga 30 Jun 2025, PERKESO telah melaksanakan sebanyak 1,694 Program Karnival Kerjaya termasuk sesi temuduga harian dan mingguan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 program telah dilaksanakan di negeri Kelantan yang mana telah berjaya menarik seramai 2, 120 pencari kerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 850 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan. Manakala 344 orang pencari kerja telah berjaya melangkah ke temuduga peringkat seterusnya.
- iii. **Melaksanakan program-program kebolehpasaran** pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan muda seperti Karnival Pekerjaan, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, Career talk, Program Profiling Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteraskan pembangunan modal insan. Dari tempoh Januari sehingga 30 Jun 2025, sebanyak 91 Program Karnival Kerjaya dan Program Kebolehpasaran pekerjaan telah dilaksanakan di seluruh pejabat PERKESO di negeri Kelantan.

Selain itu, PERKESO juga menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan terutama bagi meningkatkan kemahiran dan latihan semula (reskilling and upskilling) di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] agar kebolehpasaran dalam kalangan mereka lebih tinggi seperti;

- i. **Pembiayaan yuran latihan** yang dibayar terus kepada penyedia latihan yang terpilih pada kadar maksimum sehingga RM4,000, sekiranya Orang Berinsurans (OB) ingin mengikuti latihan kemahiran vokasional.
- ii. **Menyediakan elaun latihan** kepada Orang Berinsurans (OB) pada kadar harian sebanyak RM10 hingga RM20. Bagi melayakkan mendapat elaun latihan, Orang Berinsurans (OB) hendaklah menghadiri sesi latihan yang telah ditetapkan.

**iii. Menyediakan program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling)** dengan tujuan membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan dan memerlukan kemahiran baharu untuk meningkatkan kebolehpekerjaan (employability) selaras dengan permintaan pasaran buruh semasa. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 30 Jun 2025, seramai 5,331 telah memohon untuk menjalani program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling) di bawah program Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Daripada jumlah tersebut, seramai 5,187 peserta telah diluluskan untuk menjalani program latihan dan seramai 1,189 peserta mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 46 telah membuat permohonan dan 44 yang telah diluluskan untuk menjalani program di negeri Kelantan.

Menyedari cabaran pengangguran belia sebagai satu isu struktural yang memerlukan pendekatan jangka panjang, Kerajaan Negeri melalui UBes juga telah mengambil langkah-langkah strategik dan realistik untuk menangani permasalahan ini secara holistik. Antara strategi utama yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah:

**i. Pemerkasaan Keusahawanan Belia dan Latihan Kemahiran:**

Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan giat melaksanakan pelbagai program latihan dan peningkatan kemahiran dalam kalangan belia bagi melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja boleh diambil bekerja, tetapi juga mampu mencipta pekerjaan melalui keusahawanan.

Antara kursus dan latihan yang telah dijalankan atau dijadualkan pada tahun ini termasuk:

- Kursus IT dan Digital - 22-23 Julai
- Kursus Asas Perbidanan (wanita) - 12-16 Oktober
- Kursus Bekam - 28 September - 2 Oktober
- Kursus Kemahiran Elektronik - 22-23 September
- Kursus Gunting Rambut (Lelaki) - 22-23 Ogos
- Kursus Gunting Rambut (Wanita) - 16-20 November
- Kursus Bakeri - 30 November - 4 Disember
- Kursus Kulinari - 14-18 Disember

Kursus-kursus ini bukan sahaja menekankan kemahiran teknikal, bahkan turut disertakan dengan modul keusahawanan asas, pengurusan kewangan, dan pemasaran digital untuk memastikan peserta bersedia memulakan perniagaan sendiri selepas tamat latihan.

**ii. Pendekatan pembangunan ekonomi organik:**

- Kerajaan Negeri mengambil pendekatan berbeza berbanding sesetengah negeri lain, yang lebih bergantung banyak kepada pelaburan langsung asing (FDI) untuk mengembangkan ekonomi negeri. Sebaliknya, fokus diberikan kepada pembangunan ekonomi yang berpaksikan kepada potensi tempatan dan penglibatan aktif masyarakat setempat.
- Pendekatan ini bersifat "bottom-up" dan bertujuan untuk membina daya tahan ekonomi anak tempatan secara mapan.

**iii. Pemerkasaan Program Khusus seperti K-START dan Digitalpreneur:**

Selaras dengan aspirasi menjadikan belia sebagai pemangkin ekonomi negeri, beberapa program keusahawanan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, termasuklah:

- **Kelantan Startup (K-START 2.0)** iaitu program yang dirancang untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia Kelantan. Program ini menyediakan platform bagi usahawan belia Kelantan untuk membentangkan idea perniagaan inovatif mereka, dengan matlamat memacu pertumbuhan ekonomi, menggalakkan inovasi, dan mewujudkan perniagaan yang mampan di negeri ini. K-Start bertujuan memperkasakan belia Kelantan serta meningkatkan ekonomi tempatan. InsyaAllah K-START 2.0 ini bakal dilaksanakan pada 8 & 9 September 2025, tahun ini. Sebanyak **50 peserta** akan dipilih untuk menyertai pusingan pitching yang dijadualkan pada tarikh tersebut.
- **Usahawan Digital Belia Kelantan (Kelantan Youth Digitalpreneur)** - kini dalam peringkat perangkaan, program ini akan memberi fokus untuk membangun bakat dan kompetensi anak muda dalam bidang usahawan digital, melalui cara pendekatan bimbingan untuk belia dalam memanfaatkan platform digital dan teknologi e-dagang untuk menjana pendapatan secara berdaya saing. Program ini mensasarkan **70 orang peserta** setahun iaitu 5 orang dari setiap 14 kawasan parlimen setahun.

Program-program ini turut digerakkan secara kerjasama bersama agensi kerajaan, sektor swasta dan tokoh usahawan muda yang berjaya sebagai pemudah cara dan mentor dalam program ini.

**iv. Pemetaan peluang pekerjaan dan pangkalan data belia:**

- Usaha sedang dijalankan bagi mewujudkan satu sistem pangkalan data belia iaitu Dashboard Big Data U-BeS (modul K-Biz) bagi menjejak jualan, ROI dan penjana pekerjaan, yang mengandungi maklumat kemahiran, minat dan keperluan latihan untuk memudahkan padanan kerja serta perancangan program intervensi yang lebih efisien. Kerajaan Negeri juga sedang memperkemas kerjasama rentas agensi termasuk dengan sektor swasta bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di peringkat negeri dan daerah. Diharapkan dengan pelaksanaan strategi-strategi ini, kadar pengangguran belia di Kelantan akan dapat dikurangkan secara berperingkat dan mampan, selaras dengan agenda pembangunan belia negeri ke arah Kelantan Sejahtera 2033



**19. YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH- WAKAF BHARU**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, usaha yang sedang dimainkan oleh pihak kerajaan untuk menaik taraf stesen keretapi wakaf baru yang sejak sekian lama menjadi mercu tanda pelancongan di wakaf baru agar menjadi lebih menarik memandangkan masyarakat tempatan serta pelancong menggunakan perkhidmatan awam ini untuk ke destinasi yang dirancang.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) mengambil maklum mengenai keperluan menaik taraf Stesen Keretapi Wakaf Bharu yang menjadi mercu tanda pelancongan dan pintu masuk utama ke negeri ini.

Walaupun bagaimanapun, dalam hal ini, kajian keperluan untuk menaik taraf stesen kereta api ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi membolehkan data-data merangkumi implikasi kos yang terlibat termasuk kos penyelenggaraan, jumlah penumpang semasa, penambahan keperluan operasi dengan pergerakan penumpang, kemudahan sokongan lain seperti penyediaan kawasan tempat letak kenderaan yang lebih teratur, pembesaran kawasan ruang niaga dan komersial, penyediaan landskap, jejantas serta keperluan-keperluan lain perlu diperolehi bagi memastikan projek naik taraf yang dilaksanakan di stesen berkenaan memenuhi keperluan dan memberi kesan positif kepada pengguna serta penduduk setempat.

Sehingga kini, Stesen Keretapi Wakaf Bharu mempunyai kemudahan tempat letak kenderaan yang boleh memuatkan sehingga 50 buah kereta dan dilengkapi dengan kemudahan asas lain seperti tandas termasuk tandas untuk Orang Kurang Upaya serta tiga (3) unit ruang niaga bagi keselesaan penumpang yang menggunakan perkhidmatan kereta api. Terdapat juga Lintasan Rata Awam yang terletak kira-kira 230 meter daripada Stesen Wakaf Bharu yang menghubungkan pengguna di antara Kg Bukit dan pekan Wakaf Bharu.

Selain itu, kajian yang lebih menyeluruh juga perlu dibuat dengan mengambil kira tanah poket bersebelahan dengan kawasan stesen kereta api seluas 11.0103 ekar serta aset bangunan seperti stesen kereta api lama dan stor sedia ada agar perancangan pembangunan yang lebih teratur dan inklusif dapat disediakan dan dijadikan rujukan bagi pelaksanaan naik taraf stesen-stesen kereta api pada masa hadapan.

Sebagai makluman, tanah poket tersebut merupakan salah satu daripada 10 tapak yang telah dilancarkan RAC melalui RAC Property Showcase 2023 untuk cadangan pelaksanaan di bawah *Request for Proposal* (RFP). Cadangan pembangunan dengan berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD) dijangka memberi impak kepada kawasan sekitar dengan adanya limpahan daripada aktiviti ekonomi dan sosial di samping mendorong potensi Stesen Keretapi Wakaf Baru untuk menjadi hub pengangkutan. Namun begitu, dimaklumkan bahawa pihak RAC masih belum menerima sebarang cadangan pembangunan yang bersesuaian dari mana-mana pihak berminat. Justeru, RAC bercadang untuk mengemukakan kembali RFP untuk tapak ini bagi fasa pembangunan strategik yang seterusnya di Perbadanan ini.

**20. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah peranan yang telah di ambil oleh Syarikat - syarikat Kerajaan Negeri (GLC) dalam memperluaskan sumber hasil negeri di dalam sektor baharu seperti teknologi ,logistik,bioteknologi dan produk halal?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**21. YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN - SEMERAK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah sudah ada perjanjian royalti hidroelektrik yang telah di meterai dan di manakah projek itu di jalankan?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Setakat ini, Kerajaan Negeri belum memeterai sebarang perjanjian royalti hidroelektrik dengan mana-mana pemaju atau syarikat.

**22. YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH – CHEMPAKA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa jumlah Mykiosk KPKT yang telah diagihkan oleh KPKT ke setiap PBT dalam negeri Kelantan serta berapa banyak pula Mykiosk yang diagihkan itu benar-benar beroperasi? Siapakah yang menanggung kos penyediaan Mykiosk KPKT tersebut?

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Jumlah Mykiosk KPKT 1.0 yang terdapat di seluruh PBT Negeri Kelantan adalah 330 unit dengan bilangan pengisian sebanyak 252 unit. Kos penyediaan Mykiosk KPKT 1.0 dibiayai sepenuhnya oleh KPKT melalui peruntukan yang disalurkan daripada KPKT berserta spesifikasi kepada PBT berdasarkan permohonan projek oleh PBT, dan segala perolehan berkaitan diuruskan oleh PBT yang memohon.

**23. YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH – MANEK URAI**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan terkini kerajaan negeri bagi memastikan bekalan daging tempatan sentiasa mencukupi?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri Kelantan sedang melaksanakan beberapa inisiatif strategik bagi memastikan bekalan daging tempatan sentiasa mencukupi dan berkualiti tinggi seperti berikut :

- 1) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan bekalan daging tempatan sentiasa mencukupi. Antaranya adalah dengan membuat perolehan berstrategi induk-induk lembu, kerbau, kambing dan bebiri kacukan pada setiap tahun untuk agihan secara pawah di bawah Projek Perintis Lembu Bridlot di negeri Kelantan. Setiap tahun kerajaan telah memperuntukkan sejumlah peruntukan kepada JPV untuk pembangunan ternakan dan hasil ternakan yang mana telah memberi manfaat kepada 1,236 orang penternak daripada tahun 2020 hingga tahun 2024 dengan jumlah pengeluaran daging sebanyak 43,914.47kg. Ini sedikit sebanyak dapat membantu kadar sara diri negara iaitu 15.9% (SSR tahun 2023) bagi daging lembu/kerbau dan 10.6% (SSR tahun 2023) bagi daging kambing/bebiri.
- 2) Selain itu, terdapat juga peruntukan-peruntukan daripada DVS Malaysia seperti Skim Rezeki Ternak, Agropreneur Muda Program Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 60% (PIKK60%) dan Program Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Ruminan Kecil Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 100% (PIKK100%) yang melibatkan 191 penternak sehingga kini.
- 3) Selain itu juga, JPV Malaysia juga mengeluarkan Polisi Pembiakbakaan Ternakan Malaysia melibatkan semua komoditi utama seperti lembu pedaging, lembu tenusu dan sebagainya. Terdapat 9 teras strategik bagi polisi pembiakbakaan lembu pedaging, salah satunya ialah Penghasilan anak kacukan lembu pedaging dengan berat otot dan peratusan daging yang lebih tinggi yang menyumbang ke arah peningkatan penghasilan daging negara. Di antara program yang dijalankan oleh JPV Negeri Kelantan bagi mencapai strategi ini ialah Pelaksanaan Program Pembangunan Lembu Hibrid Naimbif dengan sasaran menjelang tahun 2030, pengeluaran induk Naimbif sebanyak 4,000 ekor. Dengan terlaksana Sistem Penternakan tersendiri cara Kelantan

yang dinamakan NAIMbif, hasil usaha berterusan diantara pihak kerajaan dan penternak semenjak 1973 lagi Negeri Kelantan telah menjuarai pengeluaran lembu-lembu hibrid di Malaysia. Secara langsung ia meningkatkan jumlah pengeluaran daging atas setiap ekor lembu sebanyak 3 kali ganda berbanding pengeluaran lembu tempatan. Walau bagaimanapun lembu-lembu baka tempatan masih sangat bernilai disimpan sebagai induk asal yang tahan penyakit dan kesesuaian pemeliharaan dalam negeri.

- 4) Tambahan lagi, JPV Negeri Kelantan juga menerapkan penggunaan elemen teknologi untuk meningkatkan kualiti genetik ternakan. JPV Negeri Kelantan telah menyediakan perkhidmatan perkhidmatan beradab yang cekap menerusi juruperanian beradab DVS seramai 16 orang dan juruperanian beradab swadiri (D.I.Y) yang ditauliah oleh Majlis Veterinar Malaysia seramai 76 orang.
- 5) Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan Hari Penternak Petani dan Nelayan peringkat Negeri Kelantan (HPPNK) sebanyak 2 tahun sekali yang mana HPPNK ini adalah platform penting bagi penternak-penternak mempamerkan dan sebagai tempat pemasaran produk ternakan mereka. HPPNK menjadi tumpuan bukan sahaja di kalangan penternak sekitar, malah menjadi pilihan utama penternak luar negeri untuk bersama-sama berkumpul bagi menjalankan urusanniaga seterusnya mewujudkan jaringan pemasaran antara penternak. Keadaan ini dikuatkan lagi apabila pada tahun 2023 Negeri Kelantan telah melakar sejarah dalam 'Malaysia Book of Record' kerana telah berjaya menghimpunkan lembu hybrid paling banyak iaitu 213 ekor daripada lembu baka Charolais, Limousin, Belgian Blue dan Blonde dengan anggaran nilai RM 2.4 juta membabitkan 113 orang penternak.
- 6) Tambahan lagi, terdapat Projek Penternakan Lembu Pedaging Hibrid yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK). Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.89 juta untuk projek penternakan sebanyak 30 ekor lembu pedaging hibrid di Ladang Rong Chenok seluas 100 ekar. Bilangan lembu pedaging hibrid pada ketika ini telah mencapai 77 ekor. Projek ini dijangka meningkatkan pengeluaran daging tempatan secara mampan.

- 7) Selain itu, Pusat Ternakan Lembu Wagyu Tempatan yang dikendalikan oleh Kelfarm Sdn. Bhd. Projek ini dilaksanakan dengan sokongan kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian telah membuka pusat ternakan lembu wagyu di Kampung Parit, Pasir Tumbuh yang memuatkan sebanyak 100 ekor lembu wagyu. Populasi semasa lembu wagyu adalah sebanyak 50 ekor dengan sistem ladang tertutup. Pusat ini menumpukan kepada pembiakan baka wagyu tempatan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memenuhi permintaan daging premium dalam pasaran domestik. Peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri dalam tujuan Keterjaminan Makanan dan Penggunaan Tanah Optimum ialah sebanyak RM 1.8 juta iaitu Projek Pembangunan Mampan dan Penyelidikan Wagyu Malaysia.

Langkah-langkah ini bukan sahaja menjamin keterjaminan makanan, malah membuka peluang ekonomi baharu kepada penternak dan usahawan tempatan.

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

1. NAIMbif adalah satu sistem pengeluaran lembu pedaging yang dibangunkan di negeri Kelantan yang mendapat akreditasi berasaskan kepada penggunaan induk kacukan Charolais generasi g2 dan g3 sebagai keperluan minimum yang telah mencapai tahap piawaian kualiti yang ditetapkan, dipelihara secara gerompok semi-intensif bagi tujuan pembiakan secara tertutup (*bridlot*) bagi menghasilkan daging yang halal, berkualiti, bersih dan suci berasaskan hukum syarie selaras dengan konsep Bertani Satu Ibadah. Sistem ini telah diperkenankan dan dilancarkan oleh Y.M.M Pemangku Raja Kelantan sendiri semasa perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dan juga Ekspo Hijau Negeri Kelantan pada 30 Oktober 2017.



2. Jadual bilangan peserta yang menyertai sistem NAIMbif adalah seperti berikut:

| <b>Jajahan</b> | <b>Bilangan Peserta (Orang)</b> |
|----------------|---------------------------------|
| Bachok         | 12                              |
| Pasir Mas      | 3                               |
| Pasir Puteh    | 3                               |
| Machang        | 1                               |
| Tumpat         | 2                               |
| Kota Bharu     | 1                               |
| Jumlah         | 22                              |

3. Jadual perkhidmatan pernianan beradas dan kelahiran anak-anak hasil pernianan beradas di negeri Kelantan dari tahun 2019 hingga 2024 adalah seperti berikut:

| Tahun                          | 2019   | 2020   | 2021   | 2022   | 2023   | 2024   |
|--------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| Perkhidmatan pernianan beradas | 19,232 | 24,932 | 32,625 | 31,353 | 23,897 | 18,146 |
| Bilangan Kelahiran             | 9,652  | 10,903 | 14,661 | 18,485 | 15,221 | 12,190 |

**4. Jadual perolehan ternakan pawah daripada tahun 2020 hingga 2024:  
Tahun 2024**

| JENIS PAWAH        | BILANGAN EKOR                      | PERUNTUKAN   | PENTERNAK | PENGELUARAN DAGING (KG) |
|--------------------|------------------------------------|--------------|-----------|-------------------------|
| Lembu Breedlove    | 44                                 | 500,000.00   | 44 org    | 2643.34                 |
| Lembu Kacukan      | 270                                | 1,900,000.00 | 270 org   | 5215.83                 |
| Kerbau             | 17                                 | 100,000.00   | 8 org     | 616.76                  |
| Kambing dan Bebiri | 31 Betina<br>5 Jantan<br>(Kambing) | 100,000.00   | 7 org     | 365.4                   |
|                    | 35 Betina<br>7 Jantan<br>(Bebiri)  |              | 7 org     | 529.2                   |

## 5. Jadual bantuan daripada Persekutuan:

### a) Geran Agropreneur Muda

| Tahun                   | Bilangan penerima (orang) | Peruntukan diluluskan (rm) |
|-------------------------|---------------------------|----------------------------|
| 2017                    | 26                        | 529,798                    |
| 2018                    | 4                         | 80,000                     |
| 2019                    | 2                         | 40,000                     |
| 2020                    | 0                         | 0                          |
| 2021                    | 18                        | 357,000                    |
| 2022                    | 3                         | 60,000                     |
| 2023                    | 6                         | 120,000                    |
| 2024                    | 18                        | 499.830                    |
| 2025 (sehingga 22.6.25) | 2                         | 60.000                     |
| Jumlah                  | 79                        | 1.746.628                  |

### TAHUN 2022

| JENIS POWAH        | BILANGAN EKOR                       | PERUNTUKAN   | PENTERNAK | PENGELUARAN DAGING (KG) |
|--------------------|-------------------------------------|--------------|-----------|-------------------------|
| Lembu Breedlot     | 75                                  | 500,000.00   | 75 org    | 4505.7                  |
| Lembu Kacukan      | 274                                 | 1,920,000.00 | 274 org   | 8337.55                 |
| Kerbau             | 12                                  | 100,000.00   | 6 org     | 435.36                  |
| Kambing dan Bebiri | 66 Betina<br>15 Jantan<br>(Kambing) | 150,000      | 14 org    | 822.15                  |
|                    | 42 Betina<br>10 Jantan<br>(Bebiri)  |              | 9 org     | 655.2                   |

### TAHUN 2020

| JENIS PAWAH        | BILANGAN EKOR                       | PERUNTUKAN | PENTERNAK | PENGELUARAN DAGING (KG) |
|--------------------|-------------------------------------|------------|-----------|-------------------------|
| Lembu Breedlove    | 54                                  | 321,308.00 | 54 org    | 3244.1                  |
| Lembu Kacukan      | -                                   | -          | -         | -                       |
| Kerbau             | -                                   | -          | -         | -                       |
| Kambing dan Bebiri | 62 Betina<br>14 Jantan<br>(Kambing) | 150,000.00 | 13 org    | 771.4                   |
|                    | 66 Betina<br>15 Jantan<br>(Bebiri)  |            | 14 org    | 1020.6                  |

## 5. Jadual bantuan daripada Persekutuan:

### a) Geran Agropreneur Muda

### b) Program Skim Rezeki Ternak (Ruminan)

| Tahun  | Bilangan penerima (orang) | Jenis bantuan                                                             |
|--------|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| 2022   | 29                        | Ternakan/pembaikan kandang/chopper, portable milking machine, pasteurizer |
| 2023   | 26                        | Ternakan                                                                  |
| 2024   | 13                        | Ternakan/chopper                                                          |
| 2025   | 21                        | Ternakan/pembaikan kandang/chopper                                        |
| Jumlah | 89                        |                                                                           |

### c) Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 60% (PIKK60%) Dan Projek Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Ruminan Kecil Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 100% (PIKK100%)

| Tahun | Bilangan penerima (orang)                                    | PIKK60% / PIKK100%          | Jenis bantuan                                         |
|-------|--------------------------------------------------------------|-----------------------------|-------------------------------------------------------|
| 2023  | 6 orang<br>(1 peserta anggaran pakej projek = RM 149,570.00) | PIKK60% - lembu pedaging    | - 6 ekor lembu betina baka Brahman kacukan            |
|       |                                                              |                             | - 1 ekor penjantan baka Brahman kacukan               |
|       |                                                              |                             | - 1 unit mesin perincih rumput                        |
|       |                                                              |                             | - makanan ternakan dan garam jilat                    |
| 2024  | 8 orang<br>(1 peserta anggaran pakej projek = RM 149,570.00) | PIKK60% - lembu pedaging    | - tiada agihan lembu (tiada bekalan seluruh Malaysia) |
|       |                                                              |                             | - makanan ternakan & garam jila                       |
|       | 6 orang<br>(1 peserta anggaran pakej projek = RM 102,680.00) | PIKK100% - kambing pedaging | - kambing - 22 ekor ( 20 betina, 2 jantan)            |
|       |                                                              |                             | - mineral blok - 4 kotak                              |
|       |                                                              |                             | - makanan ternakan (goat breeder pallet) - 20 beg     |
|       | 2 orang (double pakej)<br>(1 peserta anggaran pakej projek = | PIKK100% - kambing tenusu   | - mesin pemerah susu - 2                              |
|       |                                                              |                             | - garam jilat - 8 kotak                               |
|       |                                                              |                             | - makanan ternakan - 40 beg                           |

|        |                                                              |                                  |                                                       |
|--------|--------------------------------------------------------------|----------------------------------|-------------------------------------------------------|
|        | RM 79,180.00)                                                |                                  | - kambing tenusu - betina 20 ekor, 2 jantan           |
|        | 1 orang<br>(1 peserta anggaran pakej projek = RM 102,680.00) | PIKK100% -<br>bebiri<br>pedaging | - bebiri damara 22 ekor<br>(betina 20 ekor, 2 jantan) |
|        |                                                              |                                  | - mineral blok - 4 kotak                              |
|        |                                                              |                                  | - makanan ternakan (sheep breeder pallet) - 20 beg    |
| Jumlah | 23 orang                                                     |                                  |                                                       |

Perancangan terkini Kerajaan negeri bagi memastikan bekalan daging tempatan adalah antaranya :

- i) Program NaimBif iaitu dengan pihak PKPNK terlibat secara langsung menjadi salah satu pusat pembiakan lembu pedaging dengan menggunakan kaedah teknologi peranakan berhasad atau Artificial Insemination (AI), ini boleh meningkatkan kadar kelahiran serta kualiti baka lembu pedaging.
- ii) Pihak PKPNK bermula dengan 30 ekor induk lembu dan kini telah mencapai sebanyak 60 ekor lembu pedaging dalam masa 2 tahun.

## 24. YB TUAN HARUN BIN ISMAIL - TAWANG

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauhmanakah Kerajaan Negeri Kelantan menggunakan pengaruh media sosial dan jenama peribadi figure tertentu bagi membantu mempromosikan dasar-dasar atau program-program negeri seperti penghayatan membangun Bersama Islam, Indahnya Kelantan dsbnya.?

### JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)

Kerajaan Negeri sangat menyokong usaha pengaruh media sosial dan jenama peribadi figure dalam usaha mempromosikan Negeri Kelantan sebagai destinasi utama untuk melancong sebagai contoh, "kaki jalan", "Senok PERUT" dan lain-lain.

Kerajaan Negeri Kelantan amat menyedari kepentingan penggunaan media sosial sebagai medium komunikasi berkesan dalam menyampaikan dasar-dasar dan program-program kerajaan kepada rakyat, khususnya golongan muda.

Sejajar dengan perkembangan era digital dan revolusi media baharu, Kerajaan Negeri melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan(TIC): -

1. Mengaktifkan penggunaan platform media sosial rasmi seperti Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube untuk menyampaikan maklumat, contohnya mempromosikan logo **"Indahnya Kelantan"** yang mempunyai elemen slogan membangun bersama islam dan berbentuk tulisan jawi.
2. Bagi meneruskan momentum Tahun Melawat Kelantan 2024 (TMK 2024), TIC tampil memperkenalkan kempen promosi baharu bertemakan **"Indahnya Kelantan"** sebagai kesinambungan kepada usaha memperkasakan sektor pelancongan, budaya dan ekonomi negeri. Sebagai pelengkap kepada kempen ini, lagu **"Indahnya Kelantan"** telah diterbitkan secara rasmi. Lagu ini menampilkan gabungan mantap artis kelahiran Kelantan iaitu Den Manjo, Fendi Kenali dan Eddie Hamid, serta mengetengahkan keunikan dialek dan nilai budaya rakyat Kelantan. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, tetapi juga sebagai alat promosi pelancongan, warisan budaya dan identiti negeri Cik Siti Wan Kembang.

3. Latar belakang video “Indahnya Kelantan” yang menampilkan destinasi popular seperti:  
Pantai Cahaya Bulan, Rantau Panjang, Gunung Stong, Masjid Muhammadi, Pasar Siti Khadijah. Gabungkan visual makanan tradisional (nasi kerabu, budu, akok), persembahan dikir barat, serta pasar malam di sekitar negeri Kelantan.

Kesimpulannya, penggunaan media sosial dan pengaruh tokoh berjenama peribadi ini bukan sahaja membantu dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan dengan lebih berkesan, bahkan juga memperkuat imej Kelantan sebagai negeri yang progresif namun tetap berpaksikan nilai-nilai Islam.

**25. YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN – BUNUT PAYONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah status permohonan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat bagi menaik taraf Pasar Wakaf Che Yeh sebagaimana yang telah dilaksanakan di Pasar Besar Siti Khadijah.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Sehingga kini permohonan ini masih belum diluluskan dalam mana-mana Rancangan Malaysia. walau bagaimanapun permohonan ini telah diangkat didalam RMK 13.

**26. YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD - TENDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sebagai tuan rumah Sukma 2028, apakah persediaan kerajaan negeri dalam melaksanakan Dasar Sukan Mesra Islam dan Sukan Patuh Syariat?

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Sebagai tuan rumah SUKMA 2028, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan Dasar Sukan Mesra Islam dan Sukan Patuh Syariat diterjemahkan secara menyeluruh dalam setiap aspek perancangan dan pelaksanaan temasya ini.

Dari sudut reka bentuk fasiliti sukan, perancangan telah mengambil kira keperluan khusus atlet wanita dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU), dengan penekanan terhadap prinsip syariah seperti privasi, keselamatan, keselesaan dan kesesuaian penggunaan.

Sebagai contoh, bagi acara yang melibatkan penyertaan wanita seperti renang, penyelarasan jadual penggunaan fasiliti akan dilaksanakan dengan memperuntukkan hari atau masa tertentu khas untuk atlet wanita sahaja. Malah, fasiliti-fasiliti tertentu juga akan dihadkan penggunaannya kepada wanita sahaja pada waktu-waktu tertentu, bergantung kepada keperluan semasa dan perancangan pihak pengurusan, iaitu Perbadanan Stadium Negeri Kelantan.

Semua fasiliti ini akan direka bentuk mengikut piawaian teknikal terkini yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan, bagi memastikan tahap keselamatan, keselesaan dan kesesuaian penggunaan adalah pada tahap tertinggi.



**27. YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL – SALOR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, usaha memperkukuh pelancongan Islamik di Kelantan yang berteraskan budaya, seni warisan dan sejarah Islam?

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Antara usaha untuk memperkukuhkan pelancongan islamik termasuklah dengan menjadikan **Masjid Kampung Laut, Masjid Jamek Muhammadi dan Masjid Ar Rahman sebagai salah satu** destinasi pelancongan Islamik. Seperti, **Masjid Jamek Muhammadi**, yang juga dikenali sebagai **Masjid Negeri Kelantan**, terletak strategik di **pusat bandar Kota Bharu**. masjid ini merupakan salah satu mercu tanda penting dalam membentuk identiti **Kota Bharu sebagai "Bandaraya Islam" (Islamic City)** melalui dasar "Developing with Islam" ini menampilkan seni bina bercirikan Islam Carabesque, tulisan jawi. Bangunan berkonsepkan islam, serta papan tanda yan beridentiti islam.

Sebagai contoh, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) telah menerima kunjungan pelancong daripada Indonesia dan juga berkunjung lawatan ke Masjid Kampung Laut ketika Program Fam Trip Xplorasi Indahnya Kelantan 2025, Kelantan Malaysia & Riau Indonesia pada 21-24 Februari 2025.

Selain itu, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) memainkan peranan aktif dengan **mengadakan persembahan kebudayaan setiap hari Jumaat selepas solat Asar bertempat di Kampung Laut, Tumpat.**

Penggunaan **platform media sosial seperti Facebook (FB), Instagram (IG), dan TikTok** telah dimanfaatkan secara optimum untuk mempromosikan masjid-masjid bersejarah seperti **Masjid Kampung Laut, Masjid Beijing** dan lain-lain. Pendekatan ini terbukti berkesan sebagaimana kejayaan video promosi "Indahnya Kelantan" yang mendapat sambutan positif di media sosial, yang mana mampu menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara.

Melalui strategi ini, bukan sahaja masjid dapat dikenali sebagai destinasi pelancongan warisan Islam, malah ia juga memberi peluang untuk memperluas pemahaman masyarakat antarabangsa tentang keindahan budaya Islam di Kelantan.

**28. YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS - PASIR TUMBOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pelan integriti Pengurusan Anti-Rasuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin ketelusan urus tadbir?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Antara pelan integriti Pengurusan Anti-Rasuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin ketelusan urus tadbir adalah :

**1. Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam**

- Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013, semua agensi awam hendaklah menubuhkan Unit Integriti sebagai kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi.
- Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam tindakan untuk menubuhkan Unit Integriti di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Kelantan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional Siri 4 Bil. 1 Tahun 2025 dan perkara ini telahpun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-2/2025 yang bersidang pada 5 Februari 2025.

**2. Pelan Antirasuah Kelantan (*Kelantan Anti Corruption Plan, KACP*)**

- Pelan Antirasuah Kelantan (*Kelantan Anti Corruption Plan, KACP*) 2020-2024 ini telah dibangunkan selari dengan dasar dan pelan peringkat nasional iaitu Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti Corruption Plan, NACP*) 2019-2023 dengan matlamat untuk membudayakan amalan integriti dalam penyampaian dan perkhidmatan berpaksikan konsep Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan.
- Selaras dengan pembangunan KACP dan NACP, Kerajaan Negeri juga sedang dalam perancangan untuk membangunkan Strategi Pembanterasan Rasuah Kelantan (*Kelantan Anti Corruption Strategies, KACS*) berteraskan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (*National Anti Corruption Strategies, NACS*) 2024-2028.

### **3. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)**

Kerajaan Negeri juga telah mewajibkan semua sebelas (11) Pejabat Tanah dan Jajahan dan dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi masing-masing. Pelan ini telah siap dibangunkan dan dilancarkan pada November 2024 sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2024.

- Kerajaan Negeri juga sedang dalam tindakan untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi kepada Syarikat Milik Kerajaan (GLC) iaitu Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Perbadanan Bandar Batu Tunjong (PBBT), Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRKN) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan.

### **4. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (MS ISO 37001:2016)**

- Pejabat SUK Kelantan telah menerima penarafan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS ISO 37001:2016) sejak Ogos 2019 daripada SIRIM Qas International Sdn. Bhd.
- Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 ini merupakan satu sistem bagi membantu organisasi mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap gejala rasuah.

### **5. Pembangunan Polisi**

- Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah membangunkan tiga (3) polisi utama berkaitan integriti dan tadbir urus iaitu:
  - a) Polisi Antirasuah  
Polisi ini merangkumi dasar, prosedur dan kawalan dalaman untuk mencegah, mengesan dan tindakan yang perlu diambil terhadap rasuah.
  - b) Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblower*)  
Polisi ini bertujuan untuk menyediakan saluran rasmi kepada penjawat awam dan orang awam untuk melaporkan salah laku, penyelewengan dan rasuah. Polisi ini menjamin perlindungan identiti dan tidak membenarkan sebarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat sejajar dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
  - c) Polisi Hadiah  
Polisi ini bertindak sebagai medium untuk mengawal pegawai dan kakitangan dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah daripada orang atau pihak yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan jabatan.

## **6. Program pendidikan dan kesedaran integriti**

- Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan kursus dan ceramah integriti kepada penjawat awam di negeri Kelantan bagi membentuk budaya kerja beretika, mencegah rasuah di samping memperkukuh tadbir urus sesebuah organisasi.

**29. YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR – GUAL IPOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah kerajaan mempunyai perancangan bagi mewujudkan satu kawasan rekreasi dan riadah bagi setiap satu komuniti penduduk.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**30. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN - LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah pihak kerajaan berhasrat menjadikan pertanian sebagai salah satu sumber untuk menarik pelancong dan apakah usaha atau hasil yang dapat dilihat untuk menarik pelancong dan pelabur dalam sektor pertanian?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat menjadikan pertanian sebagai salah satu sumber untuk menarik pelancong. Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Yayasan Amanah Tok Kenali Negeri Kelantan (YTK) bersama jabatan atau agensi kerajaan telah membangunkan salah satu produk berasaskan agro pelancongan yang terkenal buat masa ini iaitu **Jeram Mengaji Agro Resort** di Selising, Jajahan Pasir Puteh. Berikut antara mengapa Jeram Mengaji Agro Resort dikatakan hasil yang dapat dilihat untuk menarik pelancong dalam sektor pertanian:

**1. Tarikan Pelancongan Berasaskan Pertanian**

Jeram Mengaji menggabungkan konsep pertanian, pelancongan dan budaya kampung melalui:

- Lawatan ke ladang lembu dan kambing tenusu
- Aktiviti interaktif seperti menanam sayur,ulam-ulaman, buah-buahan yang segar dapat dipetik dan di makan terus.
- Pengalaman kenduri kampung dalam suasana kampung, aktiviti tradisional dan inap desa.

**2. Program Edu-Tourism dan Latihan Agro**

- Menerima kunjungan sekolah, IPT, agensi, jabatan dan pelancong luar dengan pakej-pakej yang menarik.
- Menawarkan kursus mikro seperti penternakan ikan air tawar, tanaman organik, dan produk hiliran.
- Mewujudkan pusat latihan agro untuk komuniti setempat dan luar.
- Menyediakan ruang pelaburan kecil seperti kolam ikan, tanaman kontan dan produk tempatan.

**3. Kemudahan untuk Aktiviti Pelancongan dan Bilik Penginapan**

- Terdapat tarikan alam semulajadi seperti Jeram, Air Terjun, Kawasan berbukit yang menarik serta kemudahan-kemudahan awam kepada pelancong.

- Menyediakan kemudahan resort untuk pelancong menginap dan kemudahan infra untuk pelancong beriadah.
- Terdapat aktiviti lasak seperti Berkuda, Memanah, Flying Fox dan ATV di samping beriadah di Kawasan alam semulajadi.

#### **4. Hasil dan Pencapaian**

- Peningkatan pelawat tempatan & luar negara sejak 2022 hingga kini.
- Jeram Mengaji dikenali melalui media sosial, TV, dan platform pelancongan digital.
- Terbukti memberi impak kepada ekonomi setempat dan membuka peluang pekerjaan baharu kepada rakyat setempat.
- Banyak perubahan yang berlaku dari semua aspek pembangunan di Jeram mengaji yang dapat dilihat pada masa ini.

Pihak kami amat menyambut baik dasar dan usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkukuh pelancongan pertanian dan komited menjadi rakan strategik dalam merealisasikan visi ini.

**31. YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE - PENGKALAN PASIR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan berhasrat membuat penambahan semula peranan Halaqat serta silibus yang di ajarkan kepada masyarakat agar isu isu semasa di tangani sebaik mungkin serta penilaian keberkesan perlaksanaannya.

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan negeri sentiasa komited memperkukuh peranan Halaqat sebagai medium pendidikan Islam yang membina kefahaman, sahsiah dan kesedaran masyarakat terhadap cabaran semasa. Silibus pengajaran Halaqat sentiasa disemak semula dengan menambah modul-modul berkaitan isu semasa seperti Fiqh al-Waqi', cabaran pemikiran moden dan etika media sosial.

Seminar-seminar memahami isu semasa juga sentiasa dibuat kepada anggota-anggota Halaqat. Kerajaan juga melakukan pemantauan berterusan melalui laporan anggota Halaqat dan pertemuan-pertemuan yang diadakan bersama YB Exco Pendidikan Islam.

Halaqat akan terus ditambah baik agar ia kekal relevan dalam membimbing rakyat Kelantan menghadapi perubahan zaman berlandaskan al-Quran dan Sunnah.



### **32. YB TUAN HARUN BIN ISMAIL - TAWANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai perancangan untuk mewujudkan "Pelan Induk Riadhah dan Rekreasi Kelantan" secara menyeluruh selaras dengan aspirasi bandar sihat dan komuniti sejahtera?

#### **JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Setakat Ini Masih Belum Ada Perancangan Untuk Mengadakan Pelan Induk Riadhah Dan Rekreasi Kelantan. Namun, Kerajaan Negeri Kelantan Sentiasa Komited Dalam Menjayakan Aspirasi Bandar Sihat Dan Komuniti Sejahtera Melalui Pelbagai Inisiatif Dan Program Yang Berfokus Kepada Penyediaan Persekitaran Yang Bersih, Kondusif Dan Selamat Untuk Rakyat Menjalankan Aktiviti Riadah Dan Rekreasi.

Aspirasi Ini Menekankan Kepentingan Mewujudkan Bandar Yang Mempunyai Kemudahan Infrastruktur Yang Mesra Rakyat, Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Yang Berkesan, Persekitaran Hijau Serta Ruang Rekreasi Yang Sesuai Untuk Semua Lapisan Masyarakat.



